

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH : 18.11.2014

SOALAN :

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa SJKC Bukit Serdang yang diberi peruntukan sebanyak RM6.5 juta untuk membina sebuah sekolah dengan 36 bilik darjah tetapi sekolah yang telah dibina hanya mempunyai 22 bilik darjah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan situasi ekonomi semasa, kesan kenaikan kos kerja tanah, harga bahan-bahan binaan dan bayaran upah pekerja telah memberikan kesan kepada perancangan awal Pihak Jawatankuasa Pembangunan SJKC Bukit Serdang. Jesteru, skop projek tersebut terpaksa dikecilkan daripada 36 bilik darjah kepada 22 bilik darjah sahaja. KPM ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Jawatankuasa Pembangunan SJKC Bukit Serdang kerana dapat menggunakan peruntukan sebanyak RM6.5 juta yang diberikan oleh KPM dengan bijaksana dan berhemah sehingga projek tersebut dapat disiapkan dengan jayanya. Untuk rekod, projek ini dijangka akan diserahkan kepada KPM seawal-awalnya pada Disember 2014 dan dijangka memulakan operasi apabila semua urusan pentadbiran seperti perjawatan, waran, dan lain-lain dapat diselesaikan.